

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

# Lulus segera bina premis tambahan klinik ibu dan anak

**Kementerian juga luluskan peruntukan beli mesin ultrasound, peralatan makmal**

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) meluluskan peruntukan segera bagi membina bangunan tambahan untuk klinik ibu dan anak di Klinik Kesihatan Dengkil, Selangor, susulan aduan orang ramai berhubung isu kesesakan dan waktu menunggu yang lama ketika datang untuk menerima rawatan.

Ia susulan lawatan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, ke klinik kesihatan itu semalam. Dalam lawatannya, beliau turut

meluluskan peruntukan pembelian mesin *ultrasound* serta peralatan makmal seperti mesin biokimia bagi memastikan kelancaran proses pemberian perkhidmatan kesihatan kepada pesakit. "Walaupun perkhidmatan diberikan baik tapi kawasan sesak, waktu menunggu lama dan parkir tidak cukup. Saya meluluskan segera bangunan tambahan untuk klinik ibu dan anak, mesin ultrasound dan biokimia.

"Banyak pelaburan diperlukan untuk kesihatan primer," katanya menerusi ciapan di Twitter rasmi sambil berkongsi gambar lawatannya itu semalam.

Sebelum ini orang ramai di kawasan sekitar Dengkil meluahkan kekecewaan menerusi media sosial berhubung situasi kesesakan yang berlaku di Klinik Kesihatan Dengkil susulan peningkatan jumlah pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan itu.



Keratan akhbar BH Isnin lalu.

Khairy berkata, beliau juga akan memohon kepada kerajaan untuk membina klinik kesihatan baharu di kawasan itu, memandangkan pembinaan bangunan tambahan adalah langkah penyelesaian jangka pendek.

#### Laporan hospital sesak

Sebelum ini, BH juga melaporkan beberapa hospital kerajaan mengalami kesesakan bagi menempatkan ibu bersalin hingga menyebabkan ada yang lewat mendapat katil berikutan keku-



Khairy melawat Klinik Kesihatan Dengkil, semalam.

(Foto FB Khairy Jamaluddin)

rangan kemudahan kelengkapan terbabit.

Keadaan itu menyebabkan ada dalam kalangan ibu mengandung hanya ditempatkan di kerusi sepanjang tempoh menunggu kelahiran bayi masing-masing.

Isu kesesakan itu dikaitkan dengan berdasarkan trend peningkatan kelahiran bayi di negara ini yang bermula pada September hingga November.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, dilaporkan berkata beriku-

tan trend yang berlaku dalam tempoh berkenaan, secara tidak langsung ia turut menyebabkan pesakit yang perlu dipantau di wad bersalin meningkat terutama pesakit dengan komorbiditi dan berisiko tinggi.

"Selain itu, faktor seperti penurusan rawatan bayi baru dilahirkan yang memerlukan ibu terpaksa tinggal lebih lama di wad dan pesakit tidak dapat pulang awal kerana menunggu kedatangan ahli keluarga juga menjadi antara punca kesesakan itu berlaku" katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : LOKAL

## Kes demam denggi meningkat 12.5%

**Kuala Lumpur:** Kes demam denggi pada Minggu Epidemiologi (ME) ke-38 dari 18 September hingga 24 September tahun ini meningkat 12.5 peratus kepada 1,533 kes berbanding 1,363 kes pada minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, peningkatan itu menjadikan kes demam denggi dilaporkan sehingga kini adalah 42,084 kes berbanding 19,423 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Katanya, kes kematian akibat komplikasi denggi meningkat kepada 24 kes berbanding 13 kematian bagi tempoh sama pada 2021.

"Jumlah lokaliti titik panas (*hotspot*) meningkat pada ME ke-38 iaitu 48 lokaliti *hotspot* berbanding 42 lokaliti pada minggu sebelumnya dengan 28 lokaliti dilaporkan di Selangor, Sabah (15), Kuala Lumpur dan

Putrajaya (lima)," katanya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, surveilan chikungunya merekodkan lapan kes pada ME ke-38 dengan tiga kes di Kuala Lumpur dan Putrajaya, masing-masing dua kes di Selangor dan Pulau Pinang serta satu kes di Kelantan, sekali gus menjadikan kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 646 kes.

Bagi surveilan zika, 1,452 sampel darah dan 15 sampel urin dijalankan saringan dan semua hasil adalah negatif.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, musim hujan berselang-seli cuaca panas adalah keadaan yang ideal untuk nyamuk aedes berkembang biak.

"Nyamuk aedes hanya memerlukan air yang sedikit untuk bertelur dan telur dapat bertahan selama lapan bulan dalam keadaan kering," katanya.

## Hanya pakar diiktiraf MPM diperakukan

**Kuala Lumpur:** Majlis Perubatan Malaysia (MPM) menasihatkan orang ramai supaya tidak terkeliru atau terpedaya dengan dakwaan mana-mana pihak yang mengaku sebagai pengamal perubatan atau pakar berdaftar di Malaysia.

Presiden MPM Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, selaras Seksyen 14C Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012), seseorang berhak didaftarkan dan mengamalkan sebagai pakar dalam sesuatu bidang kepakaran dalam Daftar Perubatan MPM sekiranya memenuhi syarat terkandung dalam Seksyen 14B Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012).

"Syarat utama pendaftaran sebagai pakar adalah pengamal itu perlu berdaftar penuh dengan MPM, mempunyai kelayakan kepakaran diiktiraf, menghadiri latihan dalam bidang kepakaran di institusi diiktiraf dan membuktikan dia layak dan mempunyai akhlak baik," katanya semalam.

Dr Noor Hisham berkata, semua pendaftaran pakar perlu menjalani penilaian oleh jawatankuasa khas

MPM yang meneliti semua syarat itu sebelum seseorang pengamal diperakui pakar perubatan dan dapat mengamalkan di negara ini.

"Sehubungan itu, tiada mana-mana orang atau pihak boleh memperakukan diri mereka dan mengamalkan sebagai pakar perubatan atau pakar berdaftar," katanya.

Beliau berkata, bagi tujuan verifikasi atau penyemakan status pendaftaran seorang pengamal perubatan berdaftar dengan MPM, sama ada pengamal itu doktor perubatan atau pakar perubatan, semakan boleh dibuat melalui laman web MPM

www.mmc.gov.my di bawah pautan *Search Medical Register* dan *National Specialist Register*.

"MPM menyediakan kemudahan dalam talian ini bagi membantu orang ramai memilik hanya pengamal perubatan dan pakar perubatan bertauliah memberi perkhidmatan kesihatan dan rawatan perubatan di negara ini," katanya. - Bernama

SEBANYAK 18,515 kes kematian atau 17 peratus daripada jumlah kematian disahkan secara perubatan berpunca daripada penyakit jantung.

## SAKIT JANTUNG

# Awasi serangan jam pertama

## Tindakan awal mampu kurang komplikasi, kematian mengejut

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
yusri.mu-  
zamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur**

Orang ramai dinasihatkan mendapat rawatan segera jika ada tanda awal serangan jantung terutama pada jam pertama selepas serangan.

Ini kerana serangan jantung boleh berlaku tiba-tiba pada bila-bila masa dan kepada sesiapa sahaja, selain tindakan awal mampu mengurangkan komplikasi kekal kepada jantung pada tahap minimum.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, beliau menyarankan semua pihak mengambil lapan langkah berkenaan dalam usaha menjaga kesihatan jantung.

Menurutnya, antara tindakan itu ialah makan secara sihat dan seimbang, melakukan aktiviti fizikal, tidak menghisap rokok atau *vape* serta mengekalkan berat badan ideal.

Selain itu, katanya, orang ramai perlu menghindari pengambilan alkohol, melakukan pemeriksaan kesihatan berkala, mematuhi rawatan ditetapkan dan mengenal pasti tanda awal sakit jantung.

"Bukti saintifik menunjukkan penyakit diabetes, berat badan berlebihan, hipertensi dan tahap kolesterol tinggi menyumbang kepada penyakit kardiovaskular, selain pemakanan dan amalan gaya hidup tidak sihat seperti

merokok, kurang bersenam, stres serta pengambilan alkohol juga meningkatkan risiko penyakit jantung.

"KKM (Kementerian Kesihatan) menyarankan masyarakat cakna faktor risiko penyakit jantung agar pengesanan awal dapat dibuat, seterusnya mengurangkan risiko serangan jantung," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata demikian sempena sambutan Hari Jantung Sedunia bertema *Kardiologi Sayangi Kehidupan* bagi meningkatkan kesedaran dan kepentingan menjaga kesihatan jantung dalam kalangan masyarakat.

Dr Noor Hisham berkata, penyakit jantung penyum-




DR Noor Hisham

### » INFO

#### LAPAN LANGKAH JAGA KESIHATAN JANTUNG

1. Makan secara sihat dan seimbang
2. Melakukan aktiviti fizikal
3. Tidak menghisap rokok atau *vape*
4. Mengekalkan berat badan ideal
5. Menghindari pengambilan alkohol
6. Melakukan pemeriksaan kesihatan berkala
7. Mematuhi rawatan ditetapkan
8. Mengenal pasti tanda awal sakit jantung



bang terbesar kepada kematian di seluruh dunia selain menjadi penyebab utama kematian di Malaysia.

Beliau berkata, 18,515 kes kematian atau 17 peratus daripada jumlah kematian disahkan secara perubatan berpunca daripada penyakit jantung dengan beban penyakit itu merekodkan peningkatan daripada 11.6 pe-

ratus pada 2000 kepada 17 peratus pada 2020.

"Berdasarkan laporan *The Direct Healthcare Cost of Non-communicable Diseases in Malaysia* baru-baru ini, dianggarkan RM3.93 bilion daripada jumlah keseluruhan RM9.65 bilion kos penjagaan kesihatan pada 2017 diperuntukkan bagi perbelanjaan merawat pesakit jantung.

"Lebih membimbangkan, beban kos ini dijangka terus meningkat jika tindakan sewajarnya tidak diambil untuk mengawal dan mencegah penyakit terbit," katanya.

Mengulas lanjut, beliau menyeru masyarakat merebut peluang untuk menjalani saringan kesihatan dengan memeriksa status BMI (Indeks Jisim Badan), tekanan darah, paras gula dan kolesterol dalam darah di mana-mana fasiliti kesihatan berhampiran.

Orang ramai diseru berusaha menjalani gaya hidup sihat bagi menjamin kesejahteraan dan kesihatan tubuh, seterusnya menjadi inspirasi serta motivasi kepada keluarga, rakan dan orang sekeliling.

"Kesihatan kita, milik kita, tanggungjawab kita demi generasi akan datang.

"Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan yang dilaksanakan bermula Julai sehingga Disember ini adalah demi menggalakkan masyarakat menjalani saringan kesihatan.

"Inisiatif itu selaras Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) yang dilancarkan kerajaan, baru-baru ini bertujuan menjadikan rakyat Malaysia Sihat Sejahtera melalui pembedayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong hidup sihat," katanya.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 7  
 RUANGAN : NEGARA!

## Klinik Dengkil sesak, waktu menunggu lama – Khairy

**DENGKIL** – Berada di kawasan yang sesak, waktu menunggu lama dan kawasan tempat meletak kenderaan yang tidak mencukupi.

Demikian aduan yang diterima Menteri Kesehatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar sewaktu mengadakan lawatan ke Klinik Kesihatan Dengkil di Jalan Besar, di sini semalam.

Sehubungan itu, Khairy Jamaluddin meluluskan segera peruntukan untuk memperbaiki bangunan bagi klinik ibu dan anak serta beberapa kemudahan lain termasuk mesin 'ultrasound' dan 'biochem'.

"Banyak pelaburan diperlukan bagi meningkatkan perkhidmatan kesihatan primer.

"Saya setuju Dengkil perlu memiliki klinik kesihatan baharu, namun tambah baik ban-

gunaan sedia ada cuma penyelesaian jangka pendek. Klinik kesihatan baharu akan juga dimohon," katanya menerusi hantaran di Facebook semalam.

Menurut Khairy, beliau memaklumkan ada berita baik bagi warga Cyberjaya dalam tempoh terdekat ini dipercayai mempunyai kaitan dengan operasi Hospital Cyberjaya dekat sini.

Menerusi gambar yang dikongsi pada hantaran sama, Khairy kelihatan beramah mesra dengan orang ramai yang mendapatkan perkhidmatan di klinik berkenaan.

Sebelum ini, Khairy turut melakukan lawatan menjelajah ke beberapa klinik kesihatan lain di seluruh negara bagi meninjau sendiri keadaan sebenar fasiliti terbabit.



**KHAIRY** bertanya sesuatu kepada seorang wanita yang sedang memangku bayinya bagi mendapatkan perkhidmatan di Klinik Kesihatan Dengkil semalam.

## Peruntukan RM3.93 bilion rawat pesakit jantung

**PUTRAJAYA** – Sebanyak RM3.93 bilion diperuntukkan bagi perbelanjaan merawat pesakit jantung mengikut laporan *The Direct Healthcare Cost of Non-communicable Diseases in Malaysia* yang dikeluarkan baru-baru ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, lebih membimbangkan, beban kos itu dijangka terus meningkat jika tindakan tidak diambil untuk mengawal dan mencegah penyakit tersebut.

Katanya, penyakit jantung kekal sebagai penyebab utama kematian di negara ini dengan 18,515 kematian atau 17.0 peratus daripada jumlah kematian yang

disahkan secara perubatan berpunca daripada penyakit itu.

"Penyakit jantung meningkat dari 11.6 peratus pada 2000 kepada 17 peratus pada 2020. Bukti saintifik menunjukkan diabetes, hipertensi, berat badan berlebihan dan kolesterol tinggi menyumbang kepada penyakit kardiovaskular.

"Pemakanan dan amalan gaya hidup tidak sihat seperti merokok, kurang bersenam, stres dan pengambilan alkohol turut meningkatkan risiko penyakit jantung," katanya dalam kenyataan sempena Hari Jantung Sedunia semalam.

Beliau memberitahu, ma-

sarakat perlu cakna faktor risiko penyakit jantung agar pengesanan awal dapat dilakukan.

"Mereka yang menghidapinya dinasihatkan agar mendapatkan rawatan segera jika ada tanda-tanda awal. Rebut peluang untuk menjalani saringan kesihatan di fasiliti kesihatan," katanya.

Rakyat diseru menjalani gaya hidup yang sihat bagi menjamin kesejahteraan dan kesihatan tubuh, seterusnya menjadi motivasi kepada orang sekeliling.

Tambahnya, inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan yang dilaksanakan pada Julai lalu bagi menggalakkan masyarakat untuk menjalani saringan kesihatan.



**PENDUDUK** disaran menjalani gaya hidup sihat bagi menjaga kesihatan jantung. – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NASIONAL

## 'Perkhidmatan baik, tapi waktu menunggu lama'

Khairy umum peruntukan segera bagi bina bangunan tambahan di Klinik Kesihatan Dengkil selepas melakukan lawatan mengejut di klinik berkenaan

Oleh NORAFIZA JAAFAR  
DENGKIL

**K**linik baharu diperlukan bagi mengatasi masalah kesesakan pesakit yang berurusan di Klinik Kesihatan Dengkil.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, pihaknya telah melakukan pemeriksaan mengejut dan menngesan beberapa masalah di klinik kesihatan tersebut.

"Walaupun perkhidmatan yang diberikan adalah baik, tapi kawasan sesak, waktu menunggu lama dan tempat letak kenderaan tak cukup," katanya menerusi perkongsian di Facebook pada Khamis.

Justeru Khairy berkata, pihaknya telah meluluskan peruntukan segera bagi penambahan bangunan untuk klinik ibu dan anak, mesin ultrasound serta biochem.



Khairy (duduk, kiri) ketika mengadakan lawatan mengejut di Klinik Kesihatan Dengkil seperti dikongsikan beliau di Facebook pada Khamis.

"Setuju Dengkil perlu ada klinik kesihatan baharu. Bangunan tambahan cuma penyelesaian jangka pendek. Klinik kesihatan baharu akan dimohon juga.

"Banyak pelaburan diperlukan untuk meningkatkan khidmat kesihatan primer.

"Seminggu dua lagi, akan ada berita baik buat warga Cyberjaya," katanya.

Sebelum ini orang ramai di kawasan sekitar Dengkil meluahkan kekecewaan menerusi media sosial berhubung situasi kesesakan yang berlaku di Klinik Kesihatan Dengkil susulan peningkatan jumlah pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berkenaan.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## Heart disease prevention efforts needed to cut treatment costs

**KUALA LUMPUR:** The treatment cost of heart disease in the country is expected to continue to increase if there are no effective actions taken by stakeholders in controlling and preventing the disease, said Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Citing this year's "The Direct Healthcare Cost of Non-communicable Diseases in Malaysia" report, Noor Hisham said an estimated RM3.93 billion of the

total RM9.65 billion in healthcare costs in 2017, was allocated to treating heart patients.

"Therefore, collaborations between the Health Ministry and other agencies, including government departments, statutory bodies, private sectors and non-governmental organisations, are vital to strengthen the governance of heart disease care and prevention in Malaysia.

"More importantly, the role of the

community is critical in ensuring the success of this effort," he said in his welcome speech at the launch of the World Heart Day celebration, which was streamed live on the MyHealth portal's Facebook page yesterday.

Noor Hisham said heart disease or cardiovascular disease is the leading cause of death globally, claiming over 18.6 million people yearly.

He added that the total, 85% were caused by coronary heart diseases such as heart attack and stroke,

mostly involving low and middle-income countries.

"In Malaysia, ischemic heart disease remains the main cause of death with 18,515 or 17% recorded in 2020, an increase from 11.6% in 2000," he said.

Meanwhile, Deputy Health Minister Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, in his speech when officiating at the launch, urged parents to set an example to their children by adopting a healthy

lifestyle to control and prevent illnesses such as heart disease.

He said unhealthy lifestyles such as eating foods high in fat, salt and sugar, smoking, not exercising and stress would increase a person's risk of various diseases.

Noor Azmi said this year's World Heart Day celebration, themed "Use Heart, For Every Heart", aims to increase community awareness in preventing heart disease. - Bernama

## Dengue cases up by 12.5%, says Health DG

**KUALA LUMPUR:** The number of dengue fever cases reported for the 38th epidemiological week (EW) from Sept 18 to 24 increased by 12.5% to 1,533 cases, compared with 1,363 cases the previous week.

This brings the total dengue cases reported so far to 12,942, compared with 19,423 cases in the corresponding period last year.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the number of deaths due to dengue complications also increased to 24 cases compared with 13 deaths in the corresponding period last year.

"The number of hotspots also increased in the 38th EW, namely 48 compared with 42 in the previous week. A total of 28 hotspots are in Selangor, Sabah (15), Kuala Lumpur and Putrajaya (five)," he said in a statement yesterday.

Noor Hisham said chikungunya surveillance recorded eight cases in the 38th EW with three cases in Kuala Lumpur and Putrajaya, two in Selangor and Penang and one in Kelantan, bringing the cumulative number of chikungunya cases so far to 646.

For zika surveillance, a total of 1,452 blood and 15 urine samples were tested. All results were negative.

Noor Hisham said the current hot and rainy weather was an ideal condition for Aedes mosquitoes to breed, adding that preventive measures like keeping the surroundings clean and litter-free should be undertaken by everyone.

"Aedes mosquitoes only need a little water to lay their eggs and the eggs can survive for eight months in dry conditions," he added. - Bernama